



Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin Karya Ahmad al-Fatani

Nur Sakinah binti Mohd Yassin¹
Mohd Muhiden Abdul Rahman²
Mohd Alwee Yusoff³

ABSTRAK

Kitab Jawi merupakan khazanah berharga yang diwarisi oleh generasi masa kini daripada ulama terdahulu. Melalui penghasilan kitab-kitab Jawi dalam pelbagai bidang, maklumat mengenai Islam dapat disebarkan secara meluas di Nusantara. Dalam kerangka ini, makalah ini menganalisis secara terperinci metodologi penulisan kitab dan penulisan hadis kitab 'Bisharah Al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin' yang telah dikarang oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. Perincian metodologi penulisan kitab meliputi sistematika penyusunan kitab, metode tabwib, isi dan kandungan, teknik penghujahan, bentuk pernyataan rujukan dan gaya bahasa. Sementara itu analisis penulisan hadis merangkumi penulisan matan hadis, sanad hadis, terjemahan hadis, status hadis, sumber dalil dan sumber rujukan hadis.

Kata kunci: *Penulisan hadis, kitab Jawi, Bisharah Al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin', Ahmad al-Fatani.*

PENGENALAN

Kedatangan Islam ke Nusantara telah menyumbang kepada perkembangan intelektual orang Melayu terhadap pelbagai disiplin ilmu seperti teologi, perundangan, keagamaan dan sebagainya. Dengan penubuhan institusi pendidikan di beberapa tempat di Kepulauan Melayu, ia secara tidak langsung mempercepatkan proses perkembangan penulisan dan pendidikan di kalangan masyarakat Melayu. Mereka mula menulis dan menterjemah kitab-kitab agama Islam dalam pelbagai bidang ilmu dalam tulisan Jawi yang lebih dikenali sebagai kitab Jawi⁴. Hasil daripada kebijaksanaan dan kreativiti ulama Melayu mereka telah berjaya

¹ Calon sarjana Usuluddin di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

³ Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

⁴ Sebelum kemunculan tulisan Jawi, bahasa Melayu dikaitkan dengan beberapa jenis tulisan menurut tahap perkembangan masyarakat Melayu seperti tulisan Brahmi, Pallava dan Devanagari dari India. Selain itu

menyesuaikan tulisan Arab dengan sistem tulisan Melayu iaitu dengan menggabungkan 29 huruf-huruf Arab dengan 5 huruf bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu sendiri iaitu ca (چ), pa (ف), ga (ك), dan nya (ن) sebagai perlambangan bunyi-bunyi yang lazimnya terdapat pada bunyi lidah Melayu yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Huruf Jawi yang baru ini tetap menggunakan ‘rumah’ huruf Arab dengan penambahan jumlah titik yang diberikan kepadanya⁵.

Dengan terhasil pengkaedahan baru sistem tulisan Jawi ini ia secara langsung telah menjadi suatu medium dan wacana penyebaran ilmu Islam dan pengukuran tahap perkembangan bahasa serta melambangkan keunikan budaya penulisan dan keilmuan Melayu. Serentak dengan itu lahir ramai ulama yang menghasilkan kitab dalam pelbagai disiplin ilmu keislaman seperti ilmu Tauhid, Tasawuf, Fiqh, Falsafah, Hadith dan sebagainya menggunakan tulisan Jawi. Ia kemudiannya dikenali sebagai ‘Kitab Jawi’ iaitu buku yang mengandungi perkara-perkara keagamaan (Islam) yang ditulis dalam tulisan Jawi⁶

SEJARAH RINGKAS PENULISAN KITAB JAWI

Penulisan kitab Jawi boleh dikategorikan kepada dua fasa iaitu fasa penterjemahan⁷ dan fasa penghasilan karya sendiri⁸. Fasa penterjemahan bermula pada abad ke-12M sehingga abad ke-16M. Penulisan kitab Jawi pada abad ke-12M bermula dengan penghasilan kitab terjemahan Bahr al-Lahut⁹ yang dipercayai sebagai kitab yang tertua pernah dihasilkan di rantau ini. Seterusnya pada abad ke-15M muncul karya terjemahan kitab Durr al-Manzum¹⁰, Umm al-Barahin dan seumpamanya. Kitab cAqa'id al-Nasafi¹¹ pula merupakan di antara kitab terjemahan yang dihasilkan pada abad ke-16. Fasa kedua pula bermula dari abad ke-17M sehingga abad ke-20M. Kemuncak tradisi penulisan ilmu dalam bahasa Melayu

terdapat juga tulisan Rencong di Sumatera, tulisan Kawi di tanah-tanah Jawa dan juga tulisan-tulisan lain. Lihat Gang Geong Suk, *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1990) xxi.

⁵ Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelego* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1996), 27.

⁶ Istilah Jawi digunakan oleh penduduk Tanah Arab untuk mengenali Alam Melayu dan penduduknya. Perkataan ini berasal daripada perkataan Arab “ الجو ” yang bermaksud ‘angin’. Istilah ini lahir kerana kawasan Alam Melayu terletak di pertengahan jalan perdagangan dari Tanah Arab, Parsi, India dan China. Oleh itu Alam Melayu juga dikenali oleh mereka dengan ‘negeri atas angin’ iaitu negeri yang jauh. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah, *Sheikh Ahmad al-Fatani Pemikir Agung Melayu dan Islam* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1996), 1:121.

⁷ Merupakan fasa ulama Nusantara menterjemah karya ulama Arab ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi.

⁸ Merupakan fasa di mana ulama Melayu atau Nusantara mula menghasilkan karya tulisan mereka sendiri samada dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab.

⁹ Ia merupakan sebuah karya tasawuf oleh Sheikh Abdullah Arif yang diselesaikan pada tahun 560H/1177M. Namun menurut Azyurmadi Azra karya ini dihasilkan pada tahun 506H/1111M. Karya asal dalam bahasa Arab kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu/Jawi. Lihat Mahayudin Hj. Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1996), 43-54, Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2000), 3:2-3.

¹⁰ Merupakan karya akidah dan tauhid yang membahaskan persoalan zat, sifat dan af'al Allah yang diolah mengikut pendekatan ilmu Tasawuf oleh Abu Ishak al-Syirazi. Lihat A.Samad Said, *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1986), 156.

¹¹ Merupakan karangan Abu Hafs ‘Umar Najm al-Din al-Nasafi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1590M tanpa diketahui nama penterjemahnya. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The cAqaid al-Nasafi* (Kuala Lumpur: Department of Publications, Universiti Malaya, 1988), 1-7, Lihat Amat Juhari Moain, “Konvensyen Tulisan Jawi ke Arah Keseragaman Tulisan Jawi dalam Sejarah Tulisan Jawi”, (seminar Tulisan Jawi), Dewan Syarahan Masjid Negara, 6-8 November 1991).

berlangsung di Aceh. Pusat kegiatan ilmiah Melayu-Islam yang berpusat di Aceh ketika itu telah melahirkan ramai tokoh pemikir dan ilmuwan yang banyak menghasilkan karya mereka dalam tulisan Jawi seperti Sheikh Hamzah al-Fansuri, Sheikh Shams al-Din al-Sumatera-I, Sheikh Nuruddin al-Raniri, Sheikh Abdul Rauf al-Singkeli dan seumpamanya.

Selanjutnya pada abad ke-18M muncul Sheikh Abdul Samad al-Falimbani, Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari dan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan ulama yang paling produktif dalam bidang penulisan berbanding ulama-ulama sebelum beliau dan dianggap sebagai pelopor dalam kegiatan persuratan Melayu di Fathani Darul Salam. Karya beliau mencecah puluhan naskah mencakupi pelbagai lapangan ilmu. Diantaranya ialah *Kifayah al-Muhtaj*, *Hidayah al-Muta'allim*, *Ward al-Zawahir*, *Fur' al-Masa'il* dan *al-Durr al-Thamin*¹².

Keghairahan dan kerancangan menyusun, mengarang dan menterjemah kitab pada abad ke-19M disambung oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Beliau merupakan penyambung tugas dan peranan keilmuan yang ditinggalkan oleh Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani mendahului gurunya dalam bidang penulisan kerana beliau telah mula berjinak dalam bidang tersebut sejak berusia belasan tahun¹³.

KITAB BISHARAH AL-AMILIN WA NADHARAT AL-GHAFILIN¹⁴

Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin merupakan sebuah karya terjemahan hadith *targhib* dan *tarhib* yang diambil dari kitab-kitab hadith berbahasa Arab. Ianya diselesaikan pada tahun 1304H/1887M. Merujuk kepada penstrukturan penulisan kitab ini pula kelihatan bahawa pengarangnya telah mengekalkan beberapa ciri pengaruh kitab Arab yang asal. Ciri yang jelas menunjukkan hal ini ialah ketiadaan penggunaan tanda ayat seperti koma, noktah, tanda tanya, tanda seru, perenggan, kurungan dan lain-lain lagi. Dari satu segi ia menimbulkan masalah membezakan antara permulaan dan pengakhiran ayat. Mempunyai 73 halaman bercetak menggunakan teknik penulisan komputer dalam tulisan Jawi.

Gaya bahasa penulisan dalam keseluruhan kandungan kitab ini menggunakan gaya bahasa Melayu lama dan agak terpengaruh dengan *nahw* (tatabahasa) Arab yang lazim terdapat pada kitab-kitab Jawi lain. Terdapat beberapa perkataan Arab dimasukkan dalam kitab ini bahkan strukturnya juga betul-betul menggunakan struktur Arab kerana ia

¹² Abdul Aziz Deraman, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia* (t.tp: Arena Ilmu Sdn. Bhd, 1992), 28, Lihat Wan Mohd Shaghir, "Peranan dan Sumbangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik" (Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional, Balai Seminar Dewa Bahasa & Pustaka, 2-3 September 1998), 1.

¹³ Mohd Zamberi A. Malek, *Patani Dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994), 118&119.

¹⁴ Data Ringkas Kitab

Judul	:	<i>Bisharah al-^cAmilin wa Nidharah al-Ghafilin</i>
Pengarang	:	Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani.
Tarikh	:	Akhir bulan Syawal 1345H
Status Naskhah	:	MS Melayu – Jawi bercampur Arab
Tempat Cetakan	:	Khazanah Fataniyah, Kuala Lumpur
Bidang	:	Hadith
Jumlah Halaman	:	73
Warna Kulit	:	Kuning
Ukuran Halaman (cm)	:	
Panjang	:	28
Lebar	:	20

diterjemahkan dari ayat ke ayat. Kandungan kitab ini distrukturkan mengikut tiga bahagian penting. Bahagian pertama mengandungi dua subtopik. Subtopik pertama mengandungi *Khutbah al-Mu'allif* atau ungkapan pengarangnya. Corak penulisannya mirip kepada kata pengantar kitab atau *tamhid*. Manakala subtopik kedua pula mengandungi muqaddimah kitab. Bahagian kedua pula merupakan isi kandungan yang dipecahkan kepada empat belas bab. Akhirnya bahagian ketiga merupakan penutup atau *wasiyyah*.

METODOLOGI PENULISAN KITAB BISHARAH AL-AMILIN WA NADHARAT AL-GHAFILIN

Sistematika Penyusunan Kitab

Penyusunan kitab ini dimulakan dengan satu *muqaddimah* (pendahuluan) dan diakhiri dengan satu *khatimah* (penutup). Isi kandungan kitab ini dibahagikan kepada 14 bab yakni tajuk besar tanpa disertakan *fasal* yakni tajuk kecil. Selain itu penyusunan kitab ini tidak disenaraikan dalam indeks tertentu seperti yang lazim terdapat pada kitab moden. Meskipun susun atur kandungan dan babnya dilakukan secara terpisah namun kesinambungan dari skop perbahasan utama masih tetap dipelihara oleh pengarangnya. Contohnya selepas membincangkan tentang solat pada bab kedua, perbincangan dilanjutkan dalam bab ketiga berkenaan puasa¹⁵ yang mana kedua-duanya termasuk dalam aspek peribadatan dalam Islam.

Metode Tabwib

Penjelasan tajuk seperti di bahagian muqaddimah, menyatakan bahawa kitab ini mengandungi khabar gembira, galakan serta peringatan. Pengkelasan bab dalam kitab ini adalah menggunakan nombor. Apa yang membezakan di antara satu tajuk dengan tajuk lainnya adalah turutan tiap-tiap nombor. Nombor-nombor tersebut dimulai dari *bab al-Awwal* (bab pertama) sehingga *bab al-Rabi' al-Ashar* (bab keempat belas). Terdapat tema khas pada setiap bab supaya setiap perbincangan yang dikemukakan mudah dihayati dan difahami secara khusus dan sistematik dari bab pertama sehingga bab terakhir. Apabila dibandingkan dengan beberapa karya atau kitab ulama lain, didapati karya ini memiliki metode *tabwib* yang hampir sama.

Dalam kitab ini, Sheikh Ahmad al-Fatani membahagikannya kepada bab kecil dan meletakkan tajuk yang khusus pada setiap babnya. Metode ini hampir sama dengan metode Nuruddin al-Raniri¹⁶ dalam karyanya *Hidayah al-Habib fi Targhib wa Tarhib*¹⁷. Walaupun begitu apa yang membezakan antara dua karya ini adalah tajuk yang dikhaskan pada setiap babnya. Dalam kitabnya, Ahmad al-Fatani meletakkan nombor pada setiap babnya sebelum

¹⁵ *Bisharah al-Amilin Wa Nadharah Al-Ghafilin*, (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, (2005), 6 dan 15.

¹⁶ Merupakan ulama berasal dari India dan berketurunan Arab Hadramawt, Yaman. Meninggal pada 22 Zulhijjah 1068H bersamaan 21 September 1658M. Lihat Mohd Muhiden b. Abd. Rahman "Syekh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada pengajian Hadith: Kajian terhadap kitab *al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*" (Disertasi Doktor Falsafah Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (2003)), 179.

¹⁷ Dikenali juga dengan nama *al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Mengandungi hadith-hadith yang menggalakkan ke arah membuat kebaikan dan menakutkan daripada melakukan kejahatan. Isi kandungannya memuatkan 831 hadith. Tajuk yang ditampilkan merangkumi abwab al-Din dimulai dengan Bab Pada Menyatakan Menggemari Niat dan diakhiri dengan Bab Pada Menyatakan Menggemari Meminta Ampun Dan Taubat. Lihat Mohd Muhiden Abd Rahman, *Koleksi Hadith Targhib dan Tarhib: Syekh Nuruddin al-Raniri: al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), xvi.

menyebut tajuk, manakala Nuruddin al-Raniri dalam karyanya langsung menyebut tajuk tanpa menyatakan nombor untuk setiap babnya. Dalam karya Ahmad al-Fatani mengandungi:

- i- Bab yang pertama pada menyatakan kelebihan segala sembahyang dan kelebihan berjemaah padanya dan siksa orang yang meninggalkan dia.
- ii- Bab yang kedua pada menyatakan kelebihan puasa[,] dan kelebihan bulan Ramadan[,] dan kelebihan malam *Laylah al-Qadr*
- iii- Bab yang ketiga pada menyatakan kelebihan haji dan umrah[,] dan mencercakan orang yang meninggalkan *nusuk* [,] dan kelebihan ziarah Rasulullah *Salla Allah 'Alayh wasallam*[.]
- iv- Dan seterusnya.

Dalam karya Nuruddin al-Raniri pula mengandungi:

- i- Bab pada menyatakan kelebihan niat.
- ii- Bab pada menyatakan mengenai Islam dan Iman dan Ihsan dan Ikhlas.
- iii- Bab pada menyatakan kelebihan sembahyang dan ancaman kepada mereka yang meninggalkannya¹⁸.
- iv- Dan seterusnya.

Metode Ahmad al-Fatani di atas apabila dibandingkan dengan kitab *al-Tarhib wa al-Tarhib*¹⁹ karya al-Mundhiri²⁰ juga sangat berbeza. Al-Mundhiri dalam karyanya membahagikan perbahasannya kepada tajuk besar (*kitab*) kemudian diikuti bab kecil dan fasal. Seperti yang tertulis dalam kitabnya:

I Kitab al-^oIlm

- i.i Al-Tarhib fi ^oIlm wa talabih wa ta^oallumih wa ta^olimi, wa ma ja'a fi fadl al-^oulama' wa al-muta^oallimin
- i.i.i Fasl: Fi fadl man naffasa ^oan mu'min kurbatan min karbi al-dunya
- i.i.ii Fasl: Al-^oIlm ^oIlmani
- II Al-Tarhib fi rihlah fi talab al-^oIlm
- III Al-Tarhib fi sima^o al-Hadith wa tablighuh wa naskhuh, wa al-tarhib min al-kadhib ^oala Rasulillah SAW.
- IV Dan seterusnya²¹.

¹⁸ *Ibid*, 194.

¹⁹ Terkandung di dalamnya sebanyak 5766 hadis merangkumi hadith *sahih*, *hasan*, *da'if* dan *mawdu'* yang berbentuk nasihat dan peringatan yang menyentuh berkenaan hukum syariat seperti Ilmu, Solat, Jual Beli, Adab Dan Akhlak, Sifar Syurga Dan Neraka beserta ahlinya. Lihat Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Sahih al-Tarhib wa al-Tarhib*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1988), 1: 10.

²⁰ Nama penuh beliau ialah al-Hafiz Abu Muhammad ^oAbd ^oAzim Zaki al-Din bin ^oAbd al-Qawi bin ^oAbdullah bin Salamah bin Sa'ad Al-Mundhiri, berketurunan dari Syria dan lahir di Mesir pada tahun 581H. al-Hafiz Al-Dimyati dan Isma'il bin 'Asakir merupakan murid beliau. Meninggal pada 4 Dzul Qaedah tahun 656H. Lihat Abu Muhammad Zaki al-Din ^oAbd ^oAzim bin ^oAbd al-Qawi Al-Mundhiri, *al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif, tahqiq*: Muhammad Muhy al-Din ^oAbd al-Hamid, (Mesir: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, 1960), 1: 6.

²¹ Zaki al-Din ^oAbd al-^oAzim bin ^oAbd al-Qawa al-Mundhiri, *al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*, ed. ke-3 (Makkah al-Mukarramah: Dar Ihya' al-Turath al-^oArabi, 1968), , 1: 92-108.

Isi dan Kandungan

Kitab ini dimulakan dengan ungkapan pengarang (Khutbah al-Mu'allif) yang memperkenalkan serba sedikit tentang kitab ini. Ahmad al-Fatani memulakannya dengan kalimah Basmalah yang diikuti dengan kata-kata pujian kepada Allah s.w.t dan selawat ke atas Nabi s.a.w. Pada bahagian ini juga telah dinyatakan tajuk kitab (mawduc) ini dengan jelas sebagai "Bisharah al-Amilin Wa Nadharah Al-Ghafilin" yang bermaksud 'Khabar Gembira bagi mereka yang beramal dan peringatan bagi mereka yang lalai²²'.

Pada bahagian *muqaddimah*, Ahmad al-Fatani memulakan kitab dengan perbincangan mengenai kepentingan dan kelebihan menuntut ilmu bagi setiap muslim. Islam meletakkan ilmu di tempat yang tinggi dan mulia dalam urusan hidup manusia kerana ia bertindak sebagai indikator bagi mencapai keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. berbekalkan ilmu yang benar sebagai petunjuk kepada jalan yang lurus.

Muqaddimah *Bisharah al-Amilin Wa Nadharah Al-Ghafilin* berbeza dengan muqaddimah yang terdapat dalam kitab *al-Tarhib wa al-Tarhib* karya Hafiz Zaki al-Din al-Mundhiri, *Riyad al-Salihin* dan *al-Adhkar* karangan Imam al-Nawawi yang memulakan karya mereka dengan bab mengenai niat. Begitu juga dengan pengenalan yang terdapat dalam karangan ulama Nusantara lain yang kebiasaannya memulakan kitab mereka dengan perbincangan niat seperti kitab *al-Fawaid al-Bahiyah* oleh Nuruddin al-Raniri dan kitab *Bulugh al-Maram* oleh Sheikh Daud al-Fatani.

Bahagian kedua merupakan bahagian terpenting kitab yang dipecahkan kepada empat belas bab. Bab pertama sehingga bab keempat membahaskan persoalan ibadah yang menjadi tunjang dalam Islam. Bab pertama membincangkan berkenaan solat dan kepentingan solat berjemaah yang merupakan ibadat asas dalam kehidupan seorang muslim.

Bab kedua membahaskan berkenaan puasa yang merupakan latihan diri dan jiwa dengan mengingati pengawasan Allah Ta'ala akan segala yang zahir dan yang batin. Fokus pada perbincangan bab ketiga ialah berkenaan ibadat haji. Setiap *manasik* yang terkandung di dalamnya membuktikan mereka merupakan satu umat yang bertuhankan Allah yang satu dan menjadikan tujuan mereka lebih tinggi dari taraf kebendaan. Perbincangan pada bab keempat di lanjutkan berkenaan bab zakat yang menjadi salah satu asas persaudaraan Islam melalui penyempuraan hak sesama muslim sebagaimana yang disyaratkan.

Perbincangan pada bab kelima sehingga bab kelapan berkisar secara terperinci berkenaan maksiat yang tergolong dalam dosa besar (*al-Kabair*) serta azab Allah terhadap golongan yang makan riba, berzina, liwat, minum arak, membunuh dan lain-lain perbuatan yang dilaknat Allah lantaran kejahilan dan keketikan ilmu sehingga berani menentang dan melanggar suruhan Allah. Apabila seseorang berani mencabuli hak Allah, maka adalah lebih mudah baginya untuk mencabuli hak-hak sesama manusia.

Seterusnya perbincangan dalam bab kesembilan sehingga bab kedua belas tertumpu kepada skop akhlak iaitu larangan menderhakai kedua ibubapa, memutuskan silaturrahim sesama kaum muslimin, menderhakai suami dan mengabaikan hak dan tanggungjawab masing-masing di antara suami dan isteri dan larangan dari melakukan segala perbuatan mazmumah. Keseluruhannya perbincangan ini menerangkan secara ringkas gambaran tasawur Islam dalam konteks hubungan manusia dengan Allah s.w.t dan hubungan sesama insan.

Ahmad al-Fatani turut menghuraikan tentang zikir, istighfar, selawat doa dan kepentingan menguasai ilmu Tajwid dengan cara khusus dan mendalam dalam bab ketiga belas yang merupakan penggerak ke arah pembersihan jiwa yang akan memberi kesan langsung kepada seseorang untuk menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara total.

²² *Bisharah al-Amilin Wa Nadharah Al-Ghafilin*, (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2005) 3.

Perbahasan dalam bab keempat belas menyentuh berkenaan pemerintahan dan balasan terhadap pemerintah yang menzalimi rakyatnya. Pemerintahan yang dimaksudkan merangkumi kerajaan, organisasi, syarikat yang melibatkan raja dan rakyat, ketua dan pekerja dan sebagainya. Di sini jelas bahawa kitab ini sesuai dibaca dan dirujuk oleh pelbagai peringkat dan generasi tanpa mengira golongan muda atau tua, golongan peringkat bawahan mahupun peringkat atasan.

Sebagai menutup perbahasan kitab, al-Fatani memuatkan berkenaan syurga dan neraka berserta keadaan ahli masing-masing. Penceritaan berkenaan ahli neraka didahulukan berbanding ahli syurga bertujuan menimbulkan rasa gerun dari melakukan kemaksiatan. Sebelum mengakhiri penulisan, Ahmad al-Fatani memberikan beberapa pesanan yang dilampirkan pada bahagian akhir *khatimah* kitab yang dinyatakan dalam bentuk nasihat yang berupa doa dan wasiat yang padat.

Teknik Penghujahan

Ahmad al-Fatani mengambil kira keutamaan sumber dalil *naqli* iaitu al-Quran didahulukan berbanding dalil berbentuk Hadith di tempat kedua dan akhirnya diikuti dengan dalil-dalil *‘aqli* yang lain. Sebagai contoh di dalam bab yang keempat belas yang membincangkan perihal seksa neraka, Ahmad al-Fatani membawakan dalil keadaan neraka daripada firman Allah s.w.t dan kemudian membuat huraian lanjut bersandarkan hadith Rasulullah s.a.w dan seterusnya diikuti oleh pandangan Imam al-Ghazali.

Penyataan Rujukan

Didapati gaya penyataan rujukan adalah tidak konsistren di mana terdapat tiga bentuk penulisan rujukan yang berbeza ditulis oleh Ahmad al-Fatani dalam kitabnya. Pertama menyatakan nama penulis dan judul kitab sahaja seperti “Menyebut al-Jalal al-Suyuti di dalam kitab *al-Budur al-Safirah*”. Kedua menyatakan nama penulis sahaja seperti “..dan menyebut Imam Ghazali Rahimah Allah Ta‘ala..”, dan ketiga menyatakan judul kitab sahaja seperti “...Dan tersebut di dalam *Nuzhah al-Majalis*...”.

Gaya Bahasa

Gaya bahasa yang digunakan adalah pelbagai. Terdapat penggunaan istilah dan perkataan Arab, bahasa Melayu klasik, dialek Kelantan dan juga Patani seperti perkataan *bidah* (بيضة), su’ al-Jar (سوء الجار), air danur, taruh, dan kemera yang menyebabkan pembaca sukar menanggapi maksudnya.

ANALISIS PENULISAN HADITH BISHARAH AL-AMILIN WA NADHARAT AL-GHAFILIN

Penulisan Matan Hadith

Pengertian matan ialah kalam (nas), teks hadith atau lafaz-lafaz hadith yang membawa makna yang berada di akhir sanad iaitu sesudah perawi pertama²³. Didapati bahawa matan hadith

^{23c}Abd Rahman bin Ibrahim al-Khumaysi, *Mu’jam ‘Ulum al-Hadith*, (Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra’, 2000), 128-129

ditulis dengan matan yang tepat di mana matan tersebut diriwayatkan dengan menggunakan bahasa Arab beserta terjemahannya sekali. Seperti lafaz yang terdapat pada bab kedua:

سَوُوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ

Ertinya: [:"[“]Samaikan [samakan] olehmu akan segala saf kamu[,] bahawasanya menyamaikan [menyamakan] segala saf itu daripada mendirikan sembahyang²⁴[”][.]

Dalam riwayat Imam al-Bukhari daripada Anas lafaz hadith adalah:

سَوُوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ²⁵

Namun begitu, majoriti hadith yang terdapat dalam kitab ini mengandungi matan yang dinyatakan terjemahannya sahaja tanpa diletakkan lafaz Arabnya.

Penulisan Sanad Hadith

Sanad bermaksud rantaian perawi yang meriwayatkan sesuatu hadith bermula dari perawi pertama sehingga perawi terakhir yang disebutkan sebelum matan (teks hadith)²⁶. Hanya sebilangan kecil sahaja hadith yang disertakan dengan sanad, namun ianya tidak lengkap dan sempurna kerana terhenti kepada perawi tertinggi sahaja. Jaluran sanad hadith yang terdapat dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin* majoritinya adalah tidak dicatatkan. Ini dapat dilihat pada sebahagian besar pada lafaz hadith yang terdapat dalam kitab tersebut samada yang disertakan dengan lafaz Arab mahupun terjemahan dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi seperti contoh berikut:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُهُمْ خِيَارُهُمْ لِنِسَائِهِمْ

Ertinya: [:"[“]Terlebih sempurna segala mu'min pada pihak iman itu orang yang terlebih elok mereka itu pada pihak perangai[.] Dan segala yang terlebih kebajikan mereka itu iaitu segala yang sangat berbuat kebajikan mereka itu bagi segala perempuan mereka itu[”][.]

Dalam riwayat Imam Tirmidhi daripada Abi Hurayrah R.A tercatat:

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ. أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو أَخْبَرَنَا أَبُو سَلَمَةَ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُهُمْ خِيَارُهُمْ لِنِسَائِهِمْ²⁷.

Ertinya: Abu Kurayb menceritakan kepada kami, °Abdah bin Sulayman memberitahu kepada kami dari Muhammad bin °Amru, Abu Salamah memberitahu kami, dari Abu Hurayrah berkata:

²⁴ *Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin*, 9.

²⁵ Diriwayatkan oleh al-Bukhari. Lihat Muhammad Yusuf al-Karmani, *Sahih Abi °Abdillah al-Bukhari bi Sharh al-Karmani*, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi, 1981), 5:95, (Kitab al-Adhan, Bab Iqamah al-Saf min Tamam al-Salah, no. hadith: 692)

²⁶ Jalal al-Din °Abd Rahman bin Abi Bakar al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*, ed. Dr. Muhammad Muhammad al-°Iwadi, (Kaherah: Dar al-Bayan al-°Arabi, 2004), 398.

²⁷ Diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dan merupakan hadith hasan sahih. Lihat Abu °Isa Muhammad bin °Isa bin Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi wa hu wa al-Jami° al-Sahih, tahqiq: °Abd Rahman Muhammad °Uthman*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1983), 2:315, (Kitab al-Rida°, Bab Ma Ja'aFi Haq al-Mar'ah °ala Zawjiha, no.hadith: 1172).

“Rasulullah s.a.w bersabda: “Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya, dan orang yang paling baik diantara kalian, adalah orang yang paling baik terhadap isterinya”.

Penulisan Terjemahan Hadith

Apabila Islam berkembang ke serata pelusuk dunia serta meliputi pelbagai bahasa dan bangsa, maka keperluan untuk menterjemahkan hadith Rasulullah s.a.w adalah sangat tinggi supaya ia dapat difahami oleh semua umat Islam²⁸. Ianya bertujuan menjelaskan makna dan kefahaman teks, menghuraikan nas dan riwayat hadith, mengembangkan dakwah serta menampilkan kefahaman dan huraian hadith yang substantif berdasarkan kepada syarat-syarat²⁹ yang telah ditetapkan oleh pakar Hadis³⁰. Terjemahan yang dilakukan hendaklah dikemaskini kepada bahasa yang terkini supaya dapat menghindarkan masyarakat daripada salah faham terhadap hadith bahkan dapat memperbetulkan kesilapan-kesilapan terjemahan hadith yang terdapat dalam karya-karya bahasa Melayu disamping menyesuaikan laras bahasa terjemahan mengikut keperluan masyarakat masa kini³¹. Terjemahan juga haruslah disertakan mafhum hadith iaitu penerangan daripada hadith kerana terjemahan secara literal atau *harfiyyah* akan membuka ruang kesilapan, salah faham dan seumpamanya berlaku. Ini adalah kerana dimensi kefahaman manusia adalah berbeza terutama sekali yang melibatkan penggunaan istilah yang berlainan bahasa seperti terjemahan hadith dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*. Terjemahan *Harfiyyah* mendominasi keseluruhan teks kitab di mana majoriti hadith diterjemahkan secara literal tanpa dihurai dengan lebih terperinci mafhum hadith atau maksud sebenar sesuatu hadith yang boleh menimbulkan kesamaran dan kekeliruan seperti:

الصَّلَاةُ خِدْمَةُ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ³²

Ertinya:[:]["Bermula sembahyang itu berkhidmat akan Allah pada bumi ["][".]

Terjemahan di atas merupakan salah satu contoh terjemahan *harfiyyah* yang sukar difahami dan mengelirukan. Terjemahan yang lebih tepat ialah “sembahyang itu menjadi tanda perhambaan seseorang hamba kepada Allah di muka bumi”³³.

²⁸ Faisal Ahmad Shah, “Terjemahan Hadith Nabi SAW ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab *Riyad al-Salihin Terbitan JAKIM*” Jurnal Al-Bayan, Bil.9, (2011), 64.

²⁹ Di antaranya menguasai Bahasa Arab termasuk *Nahu*, *Sarf* dan *Balaghah*, Ilmu *Mustalah al-Hadith*, ilmu hadith *riwayah* dan ilmu hadith *dirayah*, mengenalpasti istilah-istilah yang digunakan dalam bidang hadith beserta maksudnya dengan merujuk kepada karya-karya hadith muktabar, merujuk kepada kitab-kitab syarah hadith dan kitab-kitab yang membahaskan mengenai lafaz-lafaz *gharib hadith*, mengenalpasti tingkat-tingkat (*maratib*) *al-Jarh wa al-Ta’dil* dan yang seumpamanya. *Ibid*, 71-80.

³⁰ Ahmad Nabil b.Amir, *Terjemahan Teks Hadith: Cabaran & Prospek*, (Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13 (2011), 782.

³¹ Abd. Latiff bin Abd. Haliff, “Terjemahan Hadis-Hadis ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Kitab *Misbahal-Zalam wa Bahjah al-‘Anam*” (Prosiding, Seminar Antarabangsa Sunah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 12-13 Julai 2011), 346.

³² Diriwayatkan oleh Abu Shuja’ bin Shirawayh al-Daylami, *al-Firdaws bi Ma’tsur al-Khitab*, 2: 405, (Bab al-Sad, no hadith 3798). Al-Suyuti mengatakan hadith ini da’if. Lihat Jalal al-Din ‘Abd Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti, *al-Jami’ al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 51.

³³ Muhammad ‘Abd al-Rauf al-Munawi, *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami’ al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir li al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd Rahman al-Suyuti*, ed. ke-2, (Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1972), 4: 247.

Penulisan Status Hadith

Status Hadith atau hukum hadith terhasil melalui proses Takhrij al-Hadith yang merupakan suatu usaha mengenal pasti kedudukan sesebuah hadith dalam sumber-sumber rujukan asli selain penjelasan berkaitan status hadith tersebut dari sudut kesahihannya atau *kedai'ifannya*³⁴. Menyatakan hukum hadith samada *sahih*, *hasan*, *da'if* ataupun *mawdu'c* adalah penting bagi memastikan apa yang disampaikan itu benar-benar berasal dari ajaran Rasulullah SAW serta memudahkan pembaca merujuk kembali sesuatu hadith kepada sumber utama hadith tersebut selain dapat mengetahui justifikasi penggunaan hadith berkenaan sebagai hujah. Dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin* hanya dijumpai pada dua tempat sahaja di mana Ahmad al-Fatani menyebut status hadith yang dikemukakanannya iaitu pada:

- i) Dan diriwayatkan dengan *sanad*³⁵ yang *da'if*³⁶.....['] [.]
 ii) Ka'ham.....
Akhbar.....³⁸

Berikut merupakan jadual Peratusan Status Hadith dan carta Peratusan Bentuk Hadith yang terdapat dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*³⁹

Jadual 1 Peratusan Status Hadith

Status Hadith	Peratusan
Hadith Sahih	42%
Hadith Hasan	13%
Hadith Da'if	31%
Tidak Diketahui	12%

³⁴ Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith yang Tepat dan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 5.


³⁵ Sanad bermaksud perawi atau jalan yang menyampaikan kepada matan hadith. Sanad yang daif adalah sama dengan hadith daif yang bermaksud hadith yang tidak memiliki sifat-sifat hadith sahih. Antara sifat hadis sahih yang utama ialah bersambung sanad hadith iaitu setiap perawi dari setiap peringkat bertemu dalam menyampaikan hadith. Lihat Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ulm al-Hadith Asluha wa Mu'asiruha*, (Beirut: Dar al-Shakir, 2005), 126, lihat Nur al-Din 'Itar, *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*, (Damsyik: Dar al-Fikr, 2003), 242.

³⁶ *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*, 30.

³⁷ Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farh al-Ansari al-Khazraji al-Andalusi al-Qurtubi, seorang mufassir, muhaddith dan faqih berasal daripada Cordova, Sepanyol. Pernah mengarang sebuah kitab tafsir yang terkenal dengan nama Tafsir al-Qurtubi atau nama sebenarnya “Al-Jami' li Ahkam al-Quran wa al-Mubayyin li ma Tadammannah Min as-Sunnah wa Ayy al-Furqan”. Meninggal dunia di Mesir pada malam isnin, 9 Syawal tahun 671H. Lihat Masyhur Hasan Mahmud Salman, *al-Imam al-Qurtubi: Shaykh A'immah al-Tafsir*, (Damshik: Dar al-Qalam, 1993), 11.

³⁸ *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*, 70.

³⁹ Sakinah@Sapinah Maamor (2006) “Sumbangan Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani Terhadap Penulisan Hadith” (Disertasi Ijazah Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 240.




Carta 1 Peratusan Bentuk Penulisan Hadith

Berpandukan carta di atas, penulisan hadith yang dinyatakan terjemahan sahaja mencatatkan peratusan tertinggi. Namun majoriti terjemahan hanya secara literal. Terjemahan hadith hendaklah dilakukan dengan teliti dan benar-benar menepati maksud hadith.

Sumber Dalil

Skop perbincangan kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin* yang meliputi ibadah, jenayah dan maksiat dari segi zahir dan batin semestinya memerlukan sandaran dalil yang *qat'i* dari al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. agar pembacanya diberi bimbingan dan ajaran yang berbentuk amali yang wajib disandarkan kepada Hadith dan Sunnah Rasulullah s.a.w tanpa mengecualikan pandangan ulama lain sebagai sokongan hujah perbincangan seperti dalam bab ketiga belas berkenaan tuntutan berakhlak mulia yang telah memuatkan sejumlah 4 dalil ayat al-Quran, 73 dalil Hadith dan 4 petikan pandangan ulama⁴⁰. Di bawah merupakan carta peratusan bagi sumber dalil dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*.




Carta 2 Peratusan Sumber Dalil

⁴⁰*Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*, 49.

Sumber Rujukan

Terdapat dua jenis sumber rujukan yang diguna dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin* iaitu terdiri daripada kitab hadith dan sebaliknya. Rujukan kepada kitab yang bukan dari bidang hadith mendominasi perbincangan. Hal ini menunjukkan Ahmad al-Fatani tidak menghadkan sumber rujukan kepada kitab hadith sahaja. Namun sikap berhati-hati dan cermat terhadap fakta yang terdapat dalam kitab-kitab yang bukan berautoriti dalam bidang hadith adalah perlu kerana unsur-unsur israiliyyat, perkara yang direka atau ditokok tambah banyak terdapat dalam kitab sebegini. Oleh itu perbincangan yang diambil daripada kitab hadith yang berautoriti adalah lebih diyakini. Berikut carta peratusan sumber rujukan dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*.



Carta 3 Peratusan Sumber rujukan

KESIMPULAN

Secara umum, Ahmad al-Fatani telah memberi sumbangan yang besar dalam pengajian hadith di Nusantara menerusi kitabnya *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*. Karya ini menghimpunkan hadis-hadis berbentuk *targhib wa tarhib* yang sangat dituntut supaya setiap Muslim mempelajari dan mengamalkannya. Gaya penulisannya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dikhususkan kepada masyarakat Melayu Islam Nusantara yang tidak mahir Bahasa Arab. Setiap perbincangan memfokuskan kepada melahirkan Muslim bertakwa yang seimbang dari segi intelektual, rohani dan jasmani. Penulisan hadis yang terdapat dalam kitab *Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin* majoritinya adalah berbentuk terjemahan sahaja tanpa ulasan daripada pengarang. Penerangan, huraian, dan ulasan terhadap maksud sesebuah hadith dapat membantu pembaca memahami maksud hadith dengan tepat sekaligus dapat mengelakkan pembaca dari sebarang keraguan, kesamaran dan kekeliruan. Aspek sanad dan matan serta status hadis amat kurang diberi perhatian. Hal ini dapat menjejaskan kredibiliti hadis sebagai rujukan umat Islam dan mendedahkannya kepada kecacatan, penyelewengan serta penyimpangan terhadap isi kandungan atau mesej sesebuah hadith. Penulisan Hadith yang lengkap adalah hadith yang disertai sanad, matan, terjemahan, rujukan dan status hadith. Melalui kaedah yang betul dan tepat menjadikan hadith-hadith Nabi s.a.w lebih tersusun dan seragam di samping memelihara kesucian hadith sebagai sumber wahyu kedua umat Islam.

RUJUKAN

- _____. *Bisharah al-^cAmilin Wa Nadharat Al-Ghafilin*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2005.
- A. Malek, Mohd Zamberi. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abd. Latiff bin Abd. Haliff, “Terjemahan Hadis-Hadis ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Kitab Misbahal-Zalam wa Bahjah al-^cAnam”. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Sunah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 12-13 Julai, 2000.
- Abd. Rahman, Mohd Muhiden. “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada pengajian Hadith: Kajian terhadap kitab Al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah” Disertasi PhD, Universiti Malaya, 2003.
- Abdullah, Wan Mohd Saghir. *Sheikh Ahmad al-Fatani Pemikir Agung Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah, 1996.
- Ahmad Nabil b.Amir, “Terjemahan Teks Hadith: Cabaran & Prospek”. Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13, 2011.
- Al-Attas, Muhammad Naquib. *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelego*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1996.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The ^cAqaid al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications, Universiti Malaya, 1988.
- Al-Daylami, Abu Shuja^c bin Shirawayh. *Al-Firdaws bi Ma'thur al-Khitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah, 1986.
- Al-Karmani, Muhammad Yusuf. *Sahih Abi ^cAbdillah al-Bukhari bi Sharh al-Karmani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^cArabi, 1981.
- Al-Khayr Abadi, Muhammad Abu al-Layth. *^cUlum al-Hadith Asluha wa Mu^casiruha*. Beirut: Dar al-Shakir, 2005.
- Al-Khumaysi, ^cAbd Rahman bin Ibrahim. *Mu'jam ^cUlum al-Hadith*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra', 2000.
- Al-Munawi, Muhammad ^cAbd al-Rauf. *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami^c al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir li al-Hafiz Jalal al-Din ^cAbd Rahman al-Suyuti*. Beirut: Dar al-Ma^crifah, 1972.
- Al-Mundhiri, Zaki al-Din ^cAbd al-^cAzim bin ^cAbd al-Qawa. *Al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Makkah al-Mukarramah: Dar Ihya' al-Turath al-^cArabi, 1968.

Al-Suyuti, Jalal al-Din °Abd Rahman *tahqiq* al-Munawi, Muhammad °Abd al-Rauf. *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami° al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir*. Beirut: Dar al-Ma°rifah, 1972.

_____. *Al-Jami° al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir* . Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah, t.t.

_____. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi* ed. Dr. Muhammad Muhammad al-°Iwadi. Kaherah: Dar al-Bayan al-°Arabi, 2004.

Al-Tirmidhi, Abu °Isa Muhammad bin °Isa bin Sawrah. *Sunan al-Tirmidhi wa hu wa al-Jami° al-Sahih, tahqiq: °Abd Rahman Muhammad °Uthman*. Beirut: Dar al-Fikr, 1983.

Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad al-Husayni. *Ittihaf al-Sadah al-Muttaqin Bi Syarh Ihya' °Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah, 2002.

Deraman, Abdul Aziz. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. t.tp: Arena Ilmu Sdn. Bhd, 1992.

Itr, Nur al-Din. *Manhaj al-Naqd fi °Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2003.

Maamor, Sakinah@Sapinah. “Sumbangan Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani Terhadap Penulisan Hadith”. Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 2006.

Mahayudin Hj. Yahaya. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Mahmud Salman, Masyhur Hasan. *Al-Imam al-Qurtubi: Shaykh A'immah al-Tafsir*. Damshik: Dar al-Qalam, 1993.

Moain, Amat Juhari. *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Mohd Muhiden Abd Rahman. *Koleksi Hadith Targhib dan Tarhib: Syeikh Nuruddin al-Raniri: al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Said, A.Samad. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Shah, Faisal Ahmad. “Terjemahan Hadith Nabi SAW ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyad al-Salihin Terbitan JAKIM” *Jurnal Al-Bayan* (2003), Bil.9.

_____. *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith yang Tepat dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.

Suk, Gang Geong. *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1990.